Jurnal Syariah, Jil. 30, Bil. 2 (2022) 251-255
Print ISSN: 0128-6730
e-ISSN: 0127-1237

Submitted Date: 22 February 2022
Accepted Date: 26 July 2022
Published Date: 31 August 2022

ULASAN BUKU: ISLAM DAN MELAYU DALAM PERLEMBAGAAN: TIANG SERI HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA

Book Review: Islam and Malays in the Constitution: Ethnic Relations in Malaysia

Judul : Islam dan Melayu dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia
Penulis : Nazri Muslim
Penerbit : Penerbit UKM
Tahun : 2020 (Edisi Kedua)
Halaman : 279 halaman (termasuk indeks)
Pengulas : Ahmad Hidayat Buang[1]

[1] Professor, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, ahidayat@um.edu.my

Perlembagaan adalah dokumen yang menjelaskan jati diri sesebuah negara. Dalam buku ini, yang merupakan edisi kedua daripada cetakan pertama tahun 2014, Dr. Nazri Muslim cuba untuk menghuraikan perlembagaan dalam konteks pembinaan negara Malaysia yang terdiri dari pelbagai etnik, kaum, keturunan dan agama berasaskan kesefahaman yang dipersetujui semasa kemerdekaan. Sebelum menjelaskan aspek-aspek perlembagaan, penulis menjelaskan teori hubungan etnik dari kedua-dua aspek Islam dan pengajian sosial moden sebagai asas kepada perbincangan seterusnya (hh.34-57). Penjelasan teori hubungan etnik mengikut Islam dibuat memandangkan terdapat beberapa tempat di dalam buku ini yang merujuk kepada Islam semasa membincangkan peruntukan perlembagaan. Menurut penulis, hubungan etnik merupakan isu yang sering dibangkitkan dalam sesebuah masyarakat dan negara yang berbilang kaum dan agama. Sebagaimana penulis yang lain, masalah hubungan etnik di Malaysia masa kini dikatakan sebagai kesan daripada dasar penjajah British yang membawa masuk pendatang luar ke Tanah Melayu bagi tujuan ekonomi (h.59). Sungguhpun sebelum kedatangan British sudah terdapat pendatang luar yang bukan peribumi, namun keberadaan mereka di negeri-negeri Melayu adalah secara sukarela. Di samping itu terdapatnya proses penyerapan budaya seperti bahasa dan adat resam kaum-kaum pendatang dengan penduduk peribumi yang menyebabkan kesefahaman dan suasana harmoni wujud antara mereka. Keadaan ini berbeza dengan kaum pendatang yang dibawa masuk oleh penjajah British, di mana terdapat pemisahan dalam perhubungan antara kaum-kaum ini berasaskan kepada kegiatan ekonomi masing-masing. Oleh yang demikian terdapat jurang antara kebudayaan, bahasa dan agama antara kaum-kaum. Transformasi hubungan kaum ini daripada zaman kerajaan Melayu kepada keadaan semasa penjajahan British dikatakan menimbulkan masalah dalam perhubungan etnik yang ada pada hari ini (hh.57-66). Perkara ini sudah tentu menimbulkan isu-isu tertentu semasa negara mencapai kemerderkaan. Sebagai penyelesaian, beberapa jaminan mengenai agama Islam dan hak-hak orang Melayu telah dimasukkan dalam perlembagaan. Menurut penulis, jaminan ini diberikan sebagai satu bentuk tolak ansur antara kaum sebagai balasan kepada persetujuan orang Melayu memberi kerakyatan "segera" kepada masyarakat bukan Melayu semasa negara mencapai kemerdekaan. Pemberian kerakyatan ini dikatakan sebagai satu pengorbanan orang Melayu yang dibalas dengan jaminan di atas (h.172). Namun begitu, perlindungan diberi kepada masyarakat bukan Melayu terhadap hak-hak asasi mereka seperti kebebasan beragama, memiliki harta dan hak untuk mengundi di dalam pilihanraya termasuk hak untuk dilantik memegang jawatan-jawatan utama dalam negara di peringkat Persekutuan. Dari titik ini penulis menjelaskan bahawa keutuhan hubungan etnik dan

hubungan baik antara kaum di Malaysia adalah berasaskan kepada penerimaan dan tolak ansur kesefahaman yang telah dipersetujui dan dianggap sebagai satu kontrak sosial antara kaum-kaum di Malaysia. Secara tuntasnya jaminan-jaminan ini menyentuh empat perkara iaitu (1) kedudukan agama Islam, (2) keistimewaan orang Melayu, (3) kedudukan Raja-raja Melayu dan (4) Bahasa Melayu. Menurut penulis, empat perkara ini adalah asas yang perlu difahami dan dihayati oleh semua rakyat dalam rangka untuk memupuk hubungan etnik, kaum dan agama yang harmoni di Malaysia. Asas-asas ini dijenamakan semula oleh penulis sebagai "Tiang Seri Perlembagaan" bagi mengantikan istilah-istilah sebelum ini seperti unsur tradisi perlembagaan bagi menunjukkan keutamaan dan kepentingan perkara ini dalam memahami Perlembagaan Malaysia (h.118). Akibat daripada pengaruh politik yang berpolar, kelemahan sistem pendidikan dan kebebasan media massa, perkara ini sering dipertikaikan sebagai satu bentuk diskriminasi kaum dan ketidakadilan. Naratif ini menjadi semakin kuat gemanya selepas keputusan PRU14 pada tahun 2018 yang menyaksikan kemunculan kumpulan-kumpulan NGO Melayu yang mendakwa beberapa polisi kerajaan cuba untuk menggugat kedudukan orang Melayu dan agama Islam. Penulis berpandangan kebimbangan sedemikian kebanyakannya lebih kepada persepsi dan berdasarkan kepada maklumat yang kurang tepat. Ini adalah kerana pindaan dan perubahan kepada jaminan perlembagaan dalam perkara berkenaan bukanlah sesuatu yang mudah kerana perlu mendapat persetujuan dua pertiga ahli Parlimen dan restu dari Majlis Raja-Raja Melayu. Pada masa yang sama, penulis menyatakan sungguhpun pindaan perlembagaan kepada perkara ini sukar untuk dilakukan, namun kedudukan agama Islam boleh tergugat dari aspek pelaksanaan dan pengoperasian sebagaimana yang berlaku kepada Bahasa Melayu (h.143). Kenyataan ini mempunyai kebenarannya jika diperhatikan kepada keputusan terkini kes-kes Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan terhadap jaminan perlembagaan pada perkara 121(1)A mengenai pemisahan bidang kuasa Mahkamah Syariah dari Mahkamah Sivil (untuk ulasan kes-kes ini lihat *JSLR* jilid 3(2): 235-240 dan jilid 5(2): 251-261). Keputusan mahkamah berkenaan telah mula merungkai keputusan kes-kes terdahulu yang mengiktiraf bidang kuasa esklusif Mahkamah Syariah. Bahkan keputusan kes Mahkamah Persekutuan terkini pada 21 Februari 2022 memutuskan secara sebulat suara oleh panel sembilan hakim yang mengisytiharkan seksyen 66A Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagai tidak berperlembagaan, terbatal dan tidak sah. Sungguhpun tidak dapat dinafikan bahawa keputusan berkenaan mengikut lunas undang-undang, namun ianya sedikit sebanyak menjejas kedudukan mahkamah Syariah dalam perundangan

negara. Nampaknya hasrat perkara 121(1)A di atas untuk memastikan tiada campurtangan antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah tidak tercapai sepenuhnya (h.138). Oleh yang demikian, jaminan perlembagaan, apatah lagi kontrak sosial and lain-lain perkara konvensyen sebenarnya boleh terjejas bukan sahaja melalui pindaan undang-undang, tetapi juga melalui keputusan Mahkamah dan juga pentadbiran kerajaan terutama melalui peruntukan kewangan dan polisi pemerintahan. Isu seterusnya yang dibincangkan oleh penulis yang mungkin menarik minat pembaca ialah kesan daripada peruntukan mengenai agama Islam ditafsirkan oleh sesetengah pengkaji sebagai satu deklarasi bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam. Penulis tidak memberi jawapan yang jelas, namun menyimpulkan bahawa Malaysia bukanlah negara sekular dan bukan juga negara Islam sepenuhnya bahkan dapat dianggap sebagai negara hibrid iaitu antara sekular dan Islam (h.134). Bahagian seterusnya buku ini ialah hasil kajian lapangan penulis mengenai kesedaran pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terhadap Perlembagaan Persekutuan kepada empat perkara di atas. Secara umumnya didapati kesedaran pelajar Melayu terhadap Perlembagaan Persekutuan adalah lebih baik berbandingkan dengan etnik lain. Penjelasan dalam bahagian ini agak teknikal bagi pembacaan umum. Oleh itu dicadangkan pada edisi penerbitan yang akan datang bahagian ini boleh dipermudahkan penulisannnya bagi kelancaraan pembacaan. Kajian lapangan ini juga menyokong beberapa dapatan kajian lepas mengenai hubungan etnik dan perlembagaan. Begitu juga ia berbeza dengan beberapa pandangan sarjana tertentu dalam beberapa aspek. Sebagai contoh beberapa sarjana berpendapat bahawa isu agama Islam lebih mendominasi perbincangan mengenai hubungan kaum sehingga boleh membawa konflik. Namun dapatan kajian penulis menunjukkan perkara ini tidak berlaku kepada pelajar IPTA. Bagi mereka isu keistimewaan orang Melayu lebih utama berbanding agama Islam (h.244). Berasaskan kepada dapatan ini penulis berpandangan dalam suasana masa kini yang mana perbincangan isu-isu sensitif adalah lebih terbuka dan bebas amatlah penting untuk “memasyarakatkan Perlembagaan” melalui kerjasama agensi kerajaan dan NGO seperti Program “Pemekaan Kontrak Sosial” masyarakat Malaysia bagi mengurangkan atau mengelakkan konflik antara etnik (h.218). Di bahagian penutup, penulis memberi sepuluh cadangan bagaimana konflik antara kaum boleh dielakkan, antaranya memperkenalkan buku teks kepada pelajar yang menjelaskan alasan atau rasional mengapa peruntukan mengenai agama Islam dan keistimewaan orang Melayu dimasukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan (h.252). Penjelasan secara rasional dan telus ini mengikut penulis dapat atau boleh diterima oleh masyarakat dari kaum yang lain terutama golongan berpendidikan universiti. Pun begitu, buku ini tidaklah

menjanjikan tongkat sakti bagi penyelesaian konflik antara kaum di Malaysia, kerana konflik dan isu hubungan kaum dan etnik adalah dinamik dan berubah-rubah mengikut cuaca politik dan kehendak masyarakat. Ini adalah kerana suasana politik, ekonomi, pendidikan, sosial dan cara hidup masyarakat Malaysia semasa kemerdekaan dan kini amat berbeza dan berlainan yang mana perubahan atau penilaian semula kepada kesefahaman dan kontrak sosial yang telah dipersetujui dahulu tidak dapat dielakkan atau sekurang-kurangnya akan terus dibangkitkan dari masa ke semasa dalam pelbagai forum dan wadah. Apa pun sementara menanti ketika dan waktu berkenaan sepuluh cadangan yang diutarakan oleh penulis boleh digunakan untuk menangani isu-isu pertikaian etnik di Malaysia.